

KUANTAN PORT CONSORTIUM SDN BHD

POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

BAHASA MALAYSIA

POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI UNTUK PELANGGAN / BAKAL PELANGGAN

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") dikuatkuasakan pada 15 November 2013 dan tujuannya adalah untuk mengawal selia pemprosesan maklumat peribadi dalam transaksi komersial dan untuk melindungi kepentingan individu. Kami, Kuantan Port Consortium Sdn Bhd ("Kuantan Port"), menghargai dan menghormati maklumat peribadi anda dan privasi anda. Dasar Perlindungan Data Peribadi ini menerangkan bagaimana kami mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi anda mengikut PDPA.

1. Pengumpulan dan Sumber

Dalam perjalanan urusan anda dengan kami, Kuantan Port dan subsidiari-subsidiari, syarikat induk dan subsidiary-subsidiari, syarikat bersekutu, gabungan dan/atau ahli-ahli dalam kumpulan syarikat induk (dirujuk secara kolektif sebagai "**kami**" dalam Polisi Perlindungan Data Peribadi ini), anda mungkin diminta untuk membekalkan data peribadi anda ("**Data Peribadi**"), bagi membolehkan kami untuk memasuki transaksi komersial dengan anda atau menghubungi anda atau untuk menyampaikan notis berhubung dengan, perkhidmatan atau produk dan/atau fasiliti yang berkaitan dengan perniagaan kami and kumpulan syarikat induk. Data Peribadi ini adalah relevan bagi kami khususnya untuk proses perniagaan, pelaksanaan termasuk penyampaian notis, perkhidmatan dan/atau produk, pengurusan perhubungan pelanggan, tujuan perancangan untuk aktiviti, perkhidmatan dan operasi pelabuhan sekarang atau pada masa hadapan, pelancaran khidmat dan acara-acara termasuk acara promosi dengan rakan kongsi perniagaan dalam lingkungan perniagaan kami. Ini boleh dilakukan melalui pelbagai cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) borang-borang kami sama ada dalam format elektronik, digital ataupun bercetak;
- (b) kontrak dan perjanjian berhubung dengan perkhidmatan, projek, sewaan atau pajakan kecil dan/atau aktiviti yang berkenaan dengan operasi dan khidmat pelabuhan;
- (c) apa-apa surat-menyurat yang kami terima daripada anda untuk meminta maklumat atau membuat sebarang pertanyaan;
- (d) membuat pertanyaan atau inquiri; dan/atau
- (e) kad perniagaan atau maklumat lain yang dibekalkan kepada kami.

2. Jenis-jenis Data Peribadi

Data Peribadi tersebut mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada maklumat mengenai nama, umur, nombor kad pengenalan, nombor passport, alamat, alamat e-mel, jantina, tarikh lahir, status perkahwinan, pekerjaan, lingkungan pendapatan, maklumat akaun bank dan lain-lain maklumat bank yang penting (bila mana dikehendaki), maklumat perhubungan seperti telefon, nombor telefon bimbit dan faksimili, bangsa, kewarganegaraan, maklumat kapal, kargo manifest, bill of lading, maklumat krew serta pelayaran dan maklumat-maklumat pihak ketiga seperti orang untuk dihubungi semasa kecemasan, konsignor, consignee, penghantar kargo, agent perkapalan dan forwarding, pihak transporter, haulier, stevedore, charterer, wakil-wakil yang telah diberikan kuasa, kontraktor, konsultant, pemberi khidmat, peguam, dan

pembiaya, yang mungkin tertakluk kepada undang-undang perlindungan data atau undang-undang lain yang berkenaan.

3. Tujuan-tujuan Pemprosesan

Kami memproses Data Peribadi anda untuk, antara yang lain, tujuan-tujuan yang berikut (secara kolektif, "**Tujuan**"):

- (a) tujuan-tujuan yang diperuntukkan dalam mana-mana perkhidmatan, fasiliti atau produk tertentu yang ditawarkan oleh kami atau rakan kongsi perniagaan kami;
- (b) untuk mentadbir dan menjalankan prosedur pengurusan hubungan pelanggan dan bakal pelanggan kami;
- (c) mengekalkan rekod pelanggan, bakal pelanggan dan penyimpanan rekod dalaman kami;
- (d) menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran, profil pelanggan dan pembangunan perniagaan serta penyelidikan pemasaran dan analisis statistik dan tinjauan pelanggan mengenai perkhidmatan, fasiliti, projek dan/atau produk kami;
- (e) pemprosesan permohonan anda dibawah mana-mana program kami;
- (f) untuk memudahkan pembayaran bagi perkhidmatan, fasiliti dan/atau produk kami dan juga untuk tujuan pembayaran di atas penggunaan perkhidmatan atau produk anda;;
- (g) untuk menjalankan semakan rujukan kredit dan mewujudkan kelayakan kredit anda, jika perlu, dalam memberikan anda produk, perkhidmatan dan/atau kemudahan;
- (h) untuk menjalankan usaha wajar atau aktiviti pemantauan atau penyaringan lain (termasuk pemeriksaan latar belakang) mengikut kewajipan undang-undang atau peraturan-peraturan atau prosedur pengurusan risiko yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau yang mungkin telah dilaksanakan oleh kami;
- (i) mematuhi sebarang undang-undang atau keperluan peraturan dan membuat pendedahan yang diperlukan di bawah undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, dan/atau kod yang terpakai dan juga untuk pencegahan jenayah (termasuk tetapi tidak terhad kepada rasuah, penipuan dan pengubahan wang haram);
- (j) mendapatkan tunggakan bayaran;
- (k) penghantaran notis, maklumat mengenai operasi dan perkhidmatan terkini serta di masa hadapan dan juga pemasaran perkhidmatan-perkhidmatan tersebut serta produk dan perkhidmatan baru kumpulan syarikat induk, pelancaran produk, majlis, sidang promosi dan pertandingan; dan
- (l) bagi tujuan produk atau perkhidmatan sedia ada atau baru, pelancaran, majlis, sidang promosi dan yang berkenaan oleh syarikat-syarikat di bawah syarikat induk.

Untuk senarai subsidiari-subsidiari, syarikat induk dan subsidiari-subsidiari, syarikat bersekutu, gabungan dan/atau ahli-ahli dalam kumpulan syarikat syarikat induk yang sedang memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan tersebut, sila layari laman web kami di <https://www.kuantanport.com.my> .

4. Pendedahan

Secara umumnya, kami akan menyimpan dan menganggap Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami sebagai sulit. Walaubagaimanapun, anda bersetuju dengan pendedahan Data Peribadi berikut oleh kami kepada kumpulan-kumpulan pihak ketiga berikut yang mungkin terletak di dalam ataupun di luar Malaysia untuk sebab-sebab yang berkaitan dengan Tujuan:

- (a) mana-mana pihak yang kami berada di bawah keperluan perundangan untuk mendedahkan Data Peribadi kepadanya di bawah undang-undang terpakai atau sebagai jawapan kepada badan berkuasa, termasuklah agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan/atau pengawal selia industri termasuk tetapi tidak terhad kepada Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan juga kepada mana-mana pihak ketiga menurut mana-mana perintah mahkamah;
- (b) kontraktor dan pembekal perkhidmatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada juruaudit, perunding, akauntan, peguam, penasihat kewangan dan profesional, pemberi pinjaman, syarikat insurans dan syarikat pengurusan harta;
- (c) pihak ketiga kami yang memberikan perkhidmatan pengurusan syarikat, sub-kontraktor atau lain-lain pihak yang kami anggap sesuai atau perlu untuk memudahkan urusan anda dengan kami;
- (d) subsidiari-subsidiari, syarikat induk dan subsidiari-subsidiari, syarikat bersekutu, gabungan dan/atau ahli-ahli kami dalam kumpulan syarikat induk; dan/atau
- (e) rakan-rakan usahasama dan perniagaan kami.

Data Peribadi anda juga boleh didedahkan jika pendedahan itu perlu untuk tujuan mencegah atau mengesan jenayah, atau untuk tujuan penyiasatan atau diperlukan atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau dengan perintah mahkamah.

Pihak ketiga luaran yang dilantik oleh kami dan ditugaskan secara sah untuk memproses Data Peribadi anda selaras dengan prinsip privasi data yang ditentukan oleh Kuantan Port. Pihak ketiga juga bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan Data Peribadi pada tahap keselamatan yang sesuai berhubung dengan undang-undang perlindungan data, peraturan-peraturan dan piawaian-piawaian industri yang diterima secara meluas.

5. Perlindungan Data Peribadi

Data Peribadi anda adalah penting kepada kami. Kami komited dalam menjaga dan memproses Data Peribadi dalam keadaan yang selamat. Kami akan melaksanakan perlindungan pentadbiran dan keselamatan, prosedur dan polisi yang sesuai setakat yang praktikal dan mengikut undang-undang yang terpakai, untuk mengelakkan sebarang pemprosesan Data Peribadi yang tidak dibenarkan dan salah di sisi undang-undang, dan juga untuk mengelakkan kerugian, kemusnahan atau kerosakan tak sengaja kepada Data Peribadi pada setiap masa.

Untuk melindungi daripada Data Peribadi diakses tanpa kebenaran oleh pihak ketiga yang dibenarkan di luar Kuantan Port, semua Data Peribadi elektronik yang dipegang oleh Kuantan Port diselenggara pada sistem yang dilindungi oleh rangkaian selamat. Kuantan Port menghadkan akses kepada sistem dalaman yang menyimpan Data Peribadi kepada kumpulan terpilih pengguna yang diberi kuasa yang diberi akses kepada sistem tersebut melalui penggunaan pengecam yang unik dan kata laluan. Akses kepada Data Peribadi terhad kepada dan hanya diberikan kepada pengguna yang berkaitan untuk tujuan melaksanakan tugas rasmi mereka.

Pematuhan kepada peruntukan ini akan diperlukan oleh semua pentadbir luaran pihak ketiga yang boleh mengakses Data Peribadi anda, seperti yang diterangkan di dalam Klausula 4 di atas.

6. Akibat Keengganan atau Kegagalan untuk Membekal

Keengganan atau kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi boleh menyebabkan yang berikut:

- (a) ketidakupayaan pihak-pihak untuk merasmikan dan/atau menjalankan perjanjian atau transaksi atau perkhidmatan yang berkenaan, mengenai perkhidmatan atau fasiliti di pelabuhan;
- (b) ketidakupayaan kami untuk membekalkan anda dengan maklumat, data, produk, perkhidmatan dan/atau fasiliti yang diminta; dan/atau
- (c) ketidakupayaan untuk membekalkan anda dengan maklumat mengenai perkhidmatan, fasiliti dan/atau produk kami dan mendapatkan maklum balas anda mengenai perkhidmatan, fasiliti dan/atau produk kami.

7. Akses dan Pembedulan

Anda mempunyai hak untuk:

- (a) memeriksa sama ada kami memegang atau menggunakan Data Peribadi dan meminta akses kepada yang sama;
- (b) meminta kami untuk membetulkan sebarang Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemaskini;
- (c) memaklumkan kami bantahan anda kepada penggunaan Data Peribadi untuk tujuan pemasaran;
- (d) menarik balik, sepenuhnya atau sebahagiannya, kebenaran anda, tertakluk kepada apa-apa sekatan perundangan yang terpakai, syarat-syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah.

Anda boleh meminta akses atau pembedulan kepada Data Peribadi atau mengehaskan pemprosesan yang sama pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan suatu permintaan bertulis kepada kami melalui:

Emel : dpo_kp@ijm.com

Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan Data Peribadi anda juga harus disalurkan kepada kami melalui cara ini.

8. Persetujuan pihak ketiga

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, orang hubungan kecemasan anda, penyewa, wakil-wakil yang diberikan kuasa, kontraktor, konsultant, pemberi khidmat, peguam, ahli kewangan) kepada kami, kami bergantung kepada anda untuk memperoleh dengan secukupnya terlebih dahulu persetujuan pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami untuk memproses data peribadi mereka berkenaan Tujuan tersebut.

9. Pindaan Polisi Perlindungan Data Peribadi Kami

Kami boleh, dari masa ke semasa, perlu atau dikehendaki menukar Polisi Perlindungan Data Peribadi kami untuk mematuhi atau menjadi selaras dengan perubahan dalam undang-undang dan peraturan yang terpakai serta operasi dan dasar perniagaan kami. Oleh itu, anda mungkin ingin mengkaji sebarang perubahan kepada Polisi Perlindungan Data Peribadi kami di laman web ini dari masa ke semasa.

10. **Bahasa**

Selaras dengan Seksyen 7(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Polisi ini dikeluarkan dalam bentuk dwibahasa, iaitu versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua versi Polisi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.